

# **GARIS PANDUAN PROSEDUR, KRITERIA DAN STANDARD KUALITI KURSUS PENGAJIAN YANG DIKENDALIKAN SECARA PENDIDIKAN JARAK JAUH BAGI IPTS**

## **PENGENALAN**

Selain pendidikan yang dikendalikan secara konvensional di mana proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan bersemuka antara guru dengan pelajar, terdapat juga kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikan secara terbuka, yakni tidak lagi berasaskan pengajaran dan pembelajaran bersemuka. Tatacara ini diistilahkan sebagai Pendidikan Terbuka. Pendidikan Terbuka, pada lazimnya, merupakan pelajaran secara separuh masa (bagi individu yang sedang bekerja), kemasukan yang terbuka, pembelajaran secara jarak jauh yang memberi peluang kepada individu melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan untuk mendapatkan sesuatu kelayakan akademik dengan melakukan pembelajaran secara bebas atau bersendirian. Falsafah pendidikan terbuka berasaskan satu sistem pendidikan yang membuka peluang pelajaran kepada semua, sama ada dari segi kelayakan asas, umur, tempat, masa (bila untuk mendaftar dan bila untuk menamatkan pelajaran) dan kelajuan pembelajaran. Maka mereka yang mengikuti pendidikan terbuka bertanggungjawab atas apa yang dipelajari oleh mereka, bagaimana mereka belajar, di mana mereka belajar, berapa lama untuk menamatkan pelajaran, siapa yang membantu mereka belajar dan bila masanya mereka bersedia untuk dinilai setelah mereka mendaftar untuk mengikuti sesuatu kursus pengajian.

Pendidikan terbuka kini menggunakan media elektronik berkomputer, pita video, pita rakaman, dan sebagainya. Dalam kebanyakan hal, pendidikan terbuka dikendalikan secara pendidikan jarak jauh. Terdapat sedikit perbezaan antara konsep pendidikan terbuka dengan jarak jauh. Pendidikan jarak jauh lebih berstruktur seperti pendidikan secara konvensional tetapi

dipisahkan dengan jarak geografi dan penggunaan media pengajaran dan pembelajaran yang lebih sistematis.

Ada yang berpendapat bahawa pendidikan jarak jauh merupakan satu komponen daripada pendidikan terbuka; namun begitu, ada juga pendapat yang menyatakan bahawa pendidikan terbuka ialah salah satu daripada komponen pendidikan jarak jauh. Istilah pendidikan terbuka dan pendidikan jarak jauh kadang-kadang digunakan secara bertukar ganti untuk menerangkan cara pengendalian pendidikan yang tidak konvensional. Terdapat banyak istilah lain yang diguna pakai bagi menerangkan pendidikan terbuka dan jarak jauh. Namun begitu, kesemuanya menjurus kepada konsep pelajar dan pengajar tidak bersemuka.

LAN menggunakan istilah pendidikan jarak jauh (PJJ) untuk menggubal dan menentukan kualiti standard dan kriteria bagi kursus pengajian yang dikendalikan secara tidak bersemuka dan konvensional.

## **1.0 PENDIDIKAN JARAK JAUH (PJJ) DAN DEFINISINYA**

Pengendalian kursus pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) merupakan satu daripada kaedah pengendalian kursus pengajian yang popular di kalangan pengusaha-pengusaha institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Pengendalian kursus pengajian PJJ telah berubah mengikut masa dan teknologi komunikasi yang telah dapat mengecilkan jurang antara guru dengan pelajar. Malahan pengendalian kursus pengajian PJJ merupakan satu daripada strategi IPTS untuk mengembangkan aktiviti pendidikan ke seluruh dunia.

Berbanding dengan kursus pengajian yang dikendalikan secara konvensional (bersemuka), kursus pengajian PJJ mempunyai ciri-ciri pengendalian yang berlainan dan memerlukan penilaian standard dan kualiti yang berbeza. Salah satu daripada ciri-ciri yang penting dalam pengendalian kursus pengajian PJJ ialah pertemuan secara fizikal tidak menjadi asas proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna

pelajar boleh berdaftar untuk mengikuti sesuatu kursus pengajian yang dikendalikan oleh sesebuah IPTS tanpa berada di kampus dan seterusnya dianugerah kelayakan akademik oleh IPTS berkenaan.

Terdapat banyak definisi PJJ yang telah diguna pakai oleh orang awam, institusi pendidikan tinggi, dan sebagainya. Pada dasarnya, PJJ merupakan satu kaedah pengajaran kursus pengajian yang ditawarkan kepada pelajar di tempat pelajar berada tanpa memerlukan pelajar berada secara fizikal di tempat kursus pengajian tersebut ditawarkan. Maka PJJ boleh didefinisikan, secara umum, sebagai satu pengendalian kursus pengajian yang meliputi semua perancangan dan susun atur untuk menyediakan bahan dan instrumen pengajaran seperti bahan cetak (buku, jurnal, nota dan majalah, cakera padat, disket, pita rakaman dan video) atau media komunikasi elektronik (internet, sidang video, sidang audio, faks, telefon, dan sebagainya) kepada pelajar dan melibatkan proses pengajaran yang terancang di mana pengajar dan pelajar tidak berada di tempat yang sama.

Maka penting diwujudkan satu garis panduan bagi memastikan bahawa pengendalian kursus pengajian secara PJJ mempunyai struktur dan sistem yang kukuh dan mengikuti kualiti standard dan kriteria yang ditetapkan. Pengendalian program perlu dipantau dari masa ke masa supaya kualiti pendidikan dan kelayakan akademik yang dianugerahkan berkualiti dan mengikut standard dan kriteria pengendalian kursus pengajian akademik.

IPTS yang ingin mengendalikan kursus pengajian secara PJJ perlu menyediakan satu sistem pengurusan pengendalian yang khusus. Ini bukan sahaja sebagai satu mekanisme untuk menentukan kualiti kursus pengajian PJJ, tetapi juga sebagai makluman kepada pelanggan untuk menilai dan membuat keputusan sama ada ingin mengikuti kursus pengajian PJJ yang ditawarkan atau tidak. Di samping itu, garis panduan ini menetapkan kualiti standard dan kriteria

yang perlu dipatuhi oleh IPTS sebelum sesuatu kursus pengajian dapat dipertimbangkan untuk diluluskan permohonannya.

## **2.0 KAEDAH PENGENDALIAN KURSUS PENGAJIAN PJJ**

Terdapat beberapa kaedah pengendalian kursus pengajian PJJ yang diamalkan oleh institusi pendidikan tinggi (IPT). Kaedah ini berubah dari semasa ke semasa mengikut arus perkembangan teknologi komunikasi. Namun begitu, teknologi yang canggih dan terkini memerlukan pelaburan yang besar. Justeru terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa pengendalian kursus pengajian PJJ tidak semestinya memerlukan teknologi yang canggih untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Walau apa pun kaedah yang diguna pakai oleh IPTS untuk mengendalikan kursus pengajian secara PJJ, IPTS hendaklah dengan jelas menerangkan kaedah pengendalian kursus pengajian PJJ yang ingin dikendalikan. Kaedah pengendalian kursus pengajian PJJ boleh dikategorikan kepada beberapa jenis seperti yang berikut:

### **2.1 Pengajaran melalui bahan-bahan pelajaran**

Kaedah ini merupakan satu kaedah yang paling popular sejak kebelakangan ini di kalangan IPTS untuk mengendalikan kursus pengajian secara PJJ. Melalui kaedah ini, IPTS (dikenali sebagai institusi penawar kursus) boleh menggunakan berbagai-bagai jenis media komunikasi untuk menyampaikan pelajaran kepada pelajar (dikenali sebagai penerima kursus) jarak jauh.

Bahan-bahan pelajaran yang boleh digunakan ialah bahan dan instrumen pengajaran melalui bahan cetak seperti buku, jurnal, nota dan majalah, cakera padat, disket, pita rakaman dan video atau media komunikasi elektronik seperti internet, telesidang, audiosidang, faks, telefon, dan sebagainya. Bahan dan

instrumen ini bertujuan untuk membantu pelajar dalam mempelajari sesuatu mata pelajaran kursus pengajian tersebut.

## 2.2 Guru PJJ

Kaedah ini memerlukan guru daripada institusi penawar kursus pengajian berada di lokasi atau pusat wilayah PJJ bagi mengendalikan kuliah. Pengendalian kuliah ini lazimnya diadakan secara berjadual (sebagai contoh, kuliah diadakan pada hujung minggu sahaja atau sekali dalam dua minggu dan sebagainya) lebih menyeluruh, dan lazimnya bercorak intensif. Perjalanan pengendalian kursus pengajian adalah seperti pengajaran secara konvensional dengan guru memberi kuliah, membuat tutorial dan perbincangan, mengadakan kuiz atau peperiksaan dan memantau prestasi pelajar tersebut. Namun begitu, pelajar boleh menghubungi guru terbabit dari semasa ke semasa melalui telefon, internet, faks, dan sebagainya.

## 2.3 Pengajaran Bersemuka Tutorial Bersama Tutor di Pusat-pusat Wilayah

Institusi penawar kursus pengajian secara PJJ menyediakan pusat-pusat wilayah di bandar-bandar dan mengadakan kemudahan tutorial yang dikendalikan oleh tutor yang dilantik khas oleh institusi penawar dari kalangan mereka yang bermastautin di wilayah tersebut. Tutor-tutor ini akan mengendalikan kursus pengajian dan menjadi agen kepada institusi penawar. Mereka yang dilantik sebagai tutor ialah mereka yang berkelayakan dan telah melalui kursus tatacara pengendalian mata pelajaran yang diajar. Jadual khusus juga disediakan untuk pengendalian kursus pengajian tersebut. Institusi penawar bertanggungjawab menyelaras, memantau dan memastikan perjalanan tutorial itu mengikut piawai yang telah ditetapkan.

## 2.4 Kombinasi Pelbagai Instrumen dan Bahan Pengajaran PJJ

Berbagai-bagai kombinasi kaedah pengendalian kursus pengajian secara PJJ boleh digunakan dan institusi penawar kursus hendaklah dengan jelas menerangkan kaedah pengendalian kursus tersebut. Pendekatan kombinasi ini menjadi pilihan yang paling sesuai untuk kebanyakan kursus pengajian secara PJJ.

## 3.0 SISTEM PENGURUSAN PENGENDALIAN KURSUS PENGAJIAN PJJ

IPTS yang ingin mengendalikan kursus pengajian PJJ dikehendaki mempunyai sistem pengurusan yang khusus bagi mengendalikan hal ehwal kursus pengajian tersebut. Walaupun terdapat IPTS yang mengendalikan kursus pengajian secara konvensional dan juga secara PJJ dan menggabungkan pengurusan kedua-duanya sekali dalam satu unit, amalan seperti ini tidak dibenarkan. IPTS dikehendaki mewujudkan satu unit khas khusus untuk mengendalikan kursus pengajian secara PJJ supaya dapat memudahkan dan melicinkan perjalanan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

Sistem pengurusan pengendalian kursus pengajian PJJ merangkumi aspek-aspek berikut:

1. Objektif dan Hasil Kursus Pengajian
2. Struktur Kurikulum dan Proses Pembentukannya
3. Peperiksaan dan Kertas Soalan
4. Guru, Tutor dan Staf Sokongan
5. Kemudahan dan Peralatan
6. Pengurusan PJJ
7. Perancangan Korporat

Perbincangan aspek-aspek di atas akan menggariskan standard dan kriteria yang boleh diguna pakai oleh IPTS yang ingin mengendalikan kursus pengajian secara PJJ.

#### **4.0 STRUKTUR KURIKULUM DAN PROSES PEMBENTUKANNYA**

Kurikulum kursus pengajian yang hendak dikendalikan oleh IPTS hendaklah dibentuk supaya dapat mencapai hasil yang dinyatakan dan mengikut garis panduan yang ditetapkan, seperti yang terdapat di bawah ini:

##### **4.1 Penamaan Kursus Pengajian dan Kelayakan Akademik**

Nama kursus pengajian hendaklah bersesuaian dengan kurikulum kursus pengajian tersebut, seperti yang digambarkan oleh maklumat terperinci mata pelajaran yang ditawarkan.

Kelayakan akademik yang dianugerahkan oleh IPTS bagi kursus pengajian PJJ hendaklah berdasarkan kerangka kelayakan akademik negara, iaitu sijil, diploma dan ijazah. IPTS yang tidak bertaraf universiti tidak dibenarkan menawarkan kursus pengajian pada peringkat ijazah; namun begitu, IPTS berkenaan boleh menawarkan kursus pengajian PJJ secara francais dengan IPTA atau IPTL.

##### **4.2 Sistem Semester**

Struktur kurikulum hendaklah dibentuk mengikut sistem semester. Satu semester mengandungi sekurang-kurangnya 14 minggu padu pengajaran dan pembelajaran (tidak termasuk cuti pertengahan semester atau peperiksaan pertengahan dan akhir semester). IPTS juga dibenarkan mengadakan satu semester pendek sekurang-kurangnya selama 7 minggu dalam satu tahun

masihi kalendar akademik. Peperiksaan hendaklah dijadualkan mengikut semester.

#### 4.3 Unit Kredit Semester dan Pertemuan Bersemuka

Sistem jam kredit hendaklah digunakan dalam pembentukan silabus kurikulum kursus pengajian. Setiap mata pelajaran diberikan nilai kredit. Bagi sistem pelajaran dan pembelajaran bersemuka, satu jam kredit membawa erti satu jam kuliah bersemuka bersama guru dalam satu minggu untuk 14 minggu. Sebagai contoh, mata pelajaran yang membawa 3 jam kredit bermaksud perjumpaan pembelajaran bersemuka dengan guru selama 3 jam dalam satu minggu.

Namun begitu, bagi pendidikan secara PJJ, perkara ini tidak berlaku. Walau bagaimanapun, pihak IPTS hendaklah menyatakan jam kredit bagi setiap mata pelajaran yang dikendalikannya yang disetarakan dengan pembelajaran secara konvensional. Sekiranya satu mata pelajaran bagi pembelajaran secara PJJ membawa 3 jam kredit, ini bermakna silabus mata pelajaran dan kandungannya boleh disampaikan dalam jangka masa 14 minggu sekiranya pelajar memberi tumpuan sebanyak 10.5 - 12.0 jam seminggu pembelajaran sendiri bagi mata pelajaran tersebut dan bersedia untuk menghadiri tutorial dan membuat tugas, projek, kuiz dan menduduki peperiksaan pertengahan dan akhir semester, dan sebagainya.

Sekiranya sesuatu kursus pengajian melalui mata pelajaran yang ditawarkan memerlukan latihan amali, bengkel, kerja studio, latihan praktikal, dan sebagainya, yang merupakan pelengkap kepada sesuatu mata pelajaran ataupun kursus pengajian, maka perkara ini hendaklah diterangkan dengan jelas. Unit kredit hendaklah ditentukan bagi aktiviti tersebut.

Bagi aktiviti tutorial bersemuka bersama tutor, disarankan pertemuan diadakan sekurang-kurangnya 4 kali dalam satu semester panjang dan 2 kali dalam semester pendek. Bagi latihan amali berpandu di makmal, studio atau bengkel oleh guru (pakar bidang) atau tutor atau juruteknik, 1 nilai kredit memerlukan pertemuan sekurang-kurangnya 2 jam seminggu untuk 14 minggu atau 28 jam keseluruhannya (pengendalian secara intensif). Sekiranya latihan amali diadakan pada tarikh, tempat dan bilangan tertentu, pihak IPTS dikehendaki menyatakannya dan keperluan kredit serta masa latihan adalah mengikut standard yang ditetapkan. Bagi latihan praktikal pula, 1 nilai kredit memerlukan aktiviti berterusan selama 6 jam sehari untuk tempoh selama ½ bulan.

Bagi pembelajaran maya pula, peruntukan 3.5 - 4.0 jam seminggu hendaklah diberikan untuk 1 nilai jam kredit.

Aktiviti	Nilai Kredit	Jam Pertemuan/Bimbingan/ Tutorial
Kuliah bersemuka atau maya	Tiada nilai kredit (dirangkumi di dalam nilai kredit mata pelajaran)	Pertemuan bergantung pada struktur pengendalian kursus pengajian. Kuliah bersemuka atau maya boleh dilakukan dalam bentuk tutorial bersama tutor atau perjumpaan bersama guru.
Latihan Amali	1	Pertemuan bergantung pada struktur pengendalian kursus pengajian. Namun begitu jumlah pertemuan atau latihan yang diberikan hendaklah berasaskan 2 x 14 (28 jam

		keseluruhan)
Latihan Praktikal	1	½ bulan
Pembelajaran maya		Pembelajaran sendiri. Ini bergantung pada panduan buku sendiri dan penjadualan pembelajaran yang dibentuk oleh sistem PPJ yang dikendalikan. Sebagai panduan, 1 kredit pengajaran memerlukan 3.5-4.0 jam pembelajaran maya seminggu
Tutorial bersama tutor	Tiada nilai kredit (dirangkumi di dalam nilai kredit mata pelajaran)	Pertemuan bergantung pada struktur pengendalian kursus pengajian. Disarankan pertemuan bagi kuliah tutorial bersemuka diadakan sekurang-kurangnya 4 kali satu semester.
Perjumpaan bersama guru	Tiada nilai kredit (dirangkumi di dalam nilai kredit mata pelajaran)	Pertemuan bergantung pada struktur pengendalian kursus pengajian. Disarankan pertemuan bersama guru bersemuka diadakan sekurang-kurangnya 2 kali satu semester panjang dan pendek.

Di samping perjumpaan bersemuka dengan tutor bagi tujuan tutorial untuk sesuatu mata pelajaran, IPTS juga dikehendaki mengadakan aktiviti perjumpaan dengan guru yang bertanggungjawab bagi penawaran mata pelajaran pada semester berkenaan. Disarankan agar perjumpaan bersama guru diadakan 2 kali dalam satu semester panjang dan pendek. Tujuan perjumpaan dengan guru bagi sesuatu mata pelajaran

adalah untuk memberi penerangan awal mengenai mata pelajaran dan untuk mendapatkan tindak balas dan menyelesaikan permasalahan yang timbul di akhir semester sebelum pelajar menghadapi peperiksaan akhir.

Ini bermakna perjumpaan bersemuka untuk pengendalian kursus pengajian secara PJJ ialah sebanyak 6 kali bagi semester panjang dan 4 kali bagi semester pendek. Disarankan juga supaya perjumpaan bersama tutor atau guru bersemuka diadakan selama 2-3 jam bagi setiap perjumpaan.

#### 4.4 Jam Kredit Untuk Penganugerahan Kelayakan Akademik

Jumlah jam kredit minimum untuk penganugerahan kelayakan akademik bagi setiap peringkat kelayakan akademik adalah seperti yang berikut:

<b>Peringkat</b>	<b>Jam Kredit</b>
Sijil	50
Diploma	90
Ijazah sarjana muda	100 (bukan profesional) 110 (profesional)

#### 4.5 Komponen Struktur Kurikulum \*

Sebagaimana yang disarankan, setiap IPTS dan badan persijilan diwajibkan memasukkan mata pelajaran kemanusiaan dan kemasyarakatan dalam silabus kurikulum yang digubal. Tiga mata pelajaran yang wajib ditawarkan ialah Bahasa Kebangsaan A atau Bahasa Kebangsaan B, Pengajian Malaysia, Pengajian Islam (bagi pelajar beragama Islam) atau

Pendidikan Moral (bagi pelajar yang bukan beragama Islam). Setiap mata pelajaran tersebut bernilai 3 jam kredit. Selain 3 mata pelajaran wajib yang disebut di atas, IPTS boleh menambah mata pelajaran kemanusiaan dan kemasyarakatan yang lain yang difikirkan perlu untuk mencapai matlamat falsafah pendidikan negara. Antara lain, falsafah pendidikan negara adalah untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab.

*(\*sila rujuk buku "GARIS PANDUAN KRITERIA DAN STANDARD KURSUS PENGAJIAN IPTS)*

#### 4.6 Kurikulum Kursus Pengajian

##### 4.6.1 Mata pelajaran

Silabus mata pelajaran yang digubal hendaklah mampu mencapai hasil yang telah dinyatakan dan melambangkan penamaan kelayakan akademik yang ingin dianugerahkan. Di samping itu, tahap dan liputan silabus mata pelajaran hendaklah bersesuaian dengan peringkat kelayakan akademik yang hendak dianugerahkan. Setiap mata pelajaran hendaklah dibekalkan dengan maklumat-maklumat berikut:

- i. Ringkasan Maklumat Asas Mata Pelajaran  
Satu jadual ringkasan maklumat asas mata pelajaran hendaklah disediakan yang mengandungi perkara-perkara berikut:
  - a. Nama mata pelajaran
  - b. Kod mata pelajaran

- c. Taraf mata pelajaran
- d. Jam kredit
- e. Nama guru mengajar (sekiranya ada)

ii. Maklumat Terperinci Mata Pelajaran

Maklumat-maklumat yang diperlukan untuk setiap mata pelajaran termasuklah:

- a. Nama mata pelajaran
- b. Kod mata pelajaran
- c. Taraf mata pelajaran  
(Taraf mata-mata pelajaran, iaitu sama ada mata pelajaran wajib, teras major, asas major, elektif major, minor, elektif bebas, dan audit hendaklah dinyatakan)
- d. Nilai jam kredit
- e. Tahun atau semester ditawarkan
- f. Prasyarat
- g. Kaedah penyampaian/pengendalian
- h. Sistem penilaian dan pecahan markah
- i. Guru yang mengajar
- j. Hasil mata pelajaran
- k. Sinopsis mata pelajaran (dalam bahasa Melayu atau Inggeris/Arab)
- l. Tajuk mata pelajaran dan nilai jam kontak atau pembelajaran maya (pilih mana yang berkaitan)
- m. Sumber rujukan utama
- n. Sumber rujukan tambahan
- o. Modul-modul rujukan

- p. Laman web yang berkenaan
- q. Kuliah tutorial yang dikendalikan oleh tutor: IPTS dikehendaki dengan ringkas menerangkan jenis tutorial yang diberikan bagi setiap tajuk mata pelajaran (bagi yang berkaitan)
- r. Sekiranya mata pelajaran memerlukan latihan amali di makmal, studio, bengkel dan sebagainya, dengan ringkas terangkan jenis latihan amali yang diperlukan bagi setiap tajuk mata pelajaran dan hasil yang dijangkakan daripada latihan amali tersebut (bagi yang berkaitan)
- s. Sekiranya mata pelajaran memerlukan kertas ilmiah, dengan jelas terangkan tujuan dan tatacara untuk menilai kertas ilmiah tersebut

#### 4.6.2 Modul silabus mata pelajaran

Setiap mata pelajaran yang ditawarkan dalam kursus pengajian hendaklah mempunyai bahan-bahan selain buku teks untuk membantu pelajar mempelajari kandungan mata pelajaran tersebut. Bahan atau instrumen yang digunakan atau digubal hendaklah mempunyai ciri reka bentuk pengajaran untuk PJJ dan pembelajaran sendiri dan interaktif (bagi bahan yang berkaitan) dan boleh dipersembahkan dalam bentuk berikut:

- i) bahan cetak
- ii) cakera padat
- iii) pita rakaman

- iv) audio rakaman
- v) laman web
- vi) telesidang
- vii) televisyen dan radio
- viii) apa jua bentuk penyampaian berasaskan bahan cetak dan elektronik

#### 4.6.3 Buku Panduan Pembelajaran Kendiri

Setiap mata pelajaran juga dikehendaki mempunyai buku panduan pembelajaran sendiri pelajar. Buku ini merupakan petunjuk arah, penjadualan pembelajaran dan pelajaran seseorang pelajar dan penilaian pencapaian bagi setiap topik yang dimuatkan dalam sesuatu mata pelajaran.

#### 4.6.4 Sistem Bantu Pelajar

Selain perkara 4.6.2 dan 4.6.3, IPTS juga dikehendaki menyediakan kelengkapan bantu pelajar yang sempurna. Ini termasuklah:

- i. Perpustakaan (dalam bentuk biasa dan/atau maya)
- ii. Pusat wilayah untuk tujuan perjumpaan bersemuka dan kemudahan aktiviti maya

#### 4.7 Kertas Projek atau Kertas Ilmiah Tahun Akhir

Sekiranya kursus pengajian PJJ yang ditawarkan mempunyai kertas projek atau ilmiah tahun akhir, had ini hendaklah dimasukkan sebagai satu mata pelajaran yang berasingan. Satu prosedur hendaklah disediakan, dengan jelas menerangkan

bagaimana kertas projek atau kertas ilmiah tersebut dikendalikan, dipantau, diperiksa dan dinilai.

#### 4.8 Latihan Praktikal/Latihan Industri

Sekiranya kursus pengajian yang ditawarkan memerlukan pelajar membuat latihan praktikal, ini juga hendaklah dimasukkan sebagai satu mata pelajaran yang berasingan. Satu prosedur hendaklah disediakan, dengan jelas menerangkan bagaimana latihan praktikal tersebut dikendalikan, dipantau, diperiksa dan dinilai.

#### 4.9 Klasifikasi Mata Pelajaran dan Pilihan

Kumpulan mata pelajaran yang ditawarkan hendaklah diklasifikasikan kepada:

- i. Teras asas
- ii. Teras major
- iii. Elektif major
- iv. Minor
- v. Elektif bebas; dan
- vi. Audit

Teras asas merupakan mata pelajaran yang memberi pengukuhan kepada mata pelajaran major dan boleh merupakan mata pelajaran prasyarat bagi mata pelajaran pada tahap yang lebih tinggi.

Mata pelajaran teras major merupakan mata pelajaran yang memberi pendedahan kepada bidang kelayakan akademik yang akan dianugerahkan.

Mata pelajaran elektif major merupakan mata pelajaran pilihan daripada sekumpulan mata pelajaran dalam bidang kelayakan akademik yang akan dianugerahkan.

Mata pelajaran elektif bebas ialah mata pelajaran dalam bidang yang berlainan atau yang sama yang dapat meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai kursus pengajian yang diambilnya.

Mata pelajaran audit pula ialah mata pelajaran yang diambil daripada mana-mana bidang yang tidak dikira kreditnya. Tujuan mengambil mata pelajaran audit adalah untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dalam sesuatu bidang yang diminati.

Institusi penawar kursus pengajian PJJ hendaklah dengan jelas menerangkan perkara di bawah:

- i. Jumlah dan nama mata pelajaran teras asas yang perlu diambil.
- ii. Jumlah dan nama mata pelajaran teras major yang perlu diambil.
- iii. Jumlah mata pelajaran elektif major yang perlu diambil dan opsyen yang ada (bagi peringkat yang berkaitan).
- iv. Jumlah mata pelajaran elektif bebas yang perlu diambil dan pilihan lain yang boleh menggantikan mata pelajaran elektif bebas (bagi peringkat yang berkaitan).
- v. Keperluan lain seperti kertas projek ilmiah, latihan praktikal, dan sebagainya.

#### 4.10 Skema penjadualan kursus pengajian mengikut kalendar akademik dan beban jam belajar pelajar

IPTS dikehendaki menyediakan satu skema penjadualan kursus pengajian bagi setiap mata pelajaran yang ditawarkan mengikut

semester. Skema penjadualan tersebut hendaklah berasaskan kemampuan biasa bagi seseorang pelajar untuk mengikuti mata pelajaran yang ditawarkan dalam sesuatu semester. Skema penjadualan ini juga berasaskan kiraan beban jam belajar pelajar (BJBP).

BJBP merupakan beban kredit yang boleh dibawa oleh seseorang pelajar dalam keadaan biasa, iaitu pelajar tidak terlalu dibebankan kerja-kerja kursus dan tidak terlalu ringan dalam mengikuti aktiviti pengajian.

Bagi mengira BJBP diandaikan bahawa:

- i) satu semester mengandungi 14 minggu padu pengajaran dan pembelajaran
- ii) pelajar mempunyai 6 hari dalam satu minggu untuk belajar
- iii) pelajar mempunyai 10 jam dalam satu hari untuk pelajaran dan pembelajaran
- iv) jumlah hari untuk belajar dalam satu semester ialah 84 hari ( 6 x 14)
- v) jumlah jam untuk pelajaran dan pembelajaran ialah 840 jam ( 10 x 84)
- vi) satu jam kredit memerlukan antara 3.5 – 4.0 jam untuk pembelajaran sendiri dalam satu minggu (49-56 jam/semester)

Berasaskan andaian yang tersebut di atas, pelajar memerlukan antara 49 (3.5 x 14) hingga 56 (4 x 14) jam satu semester untuk 1 kredit. Ini bermakna jumlah kredit maksimum dalam satu semester yang boleh diambil oleh seseorang pelajar ialah 15 – 18 jam kredit sahaja (bilangan mata pelajaran bergantung pada nilai jam kredit mata pelajaran berkenaan). Kiraan di atas

berasaskan pelajar sepenuh masa. Bagi pelajar separuh masa, BJBK merupakan separuh daripada apa yang dicadangkan kepada pelajar sepenuh masa bagi satu semester.

<b>Beban Jam Belajar Pelajar Bagi Satu Semester</b>		
	Pelajar sepenuh masa	Pelajar separuh masa
Jam kredit	15 – 18	6 – 9

#### 4.11 Pembentukan dan Penambahbaikan Kurikulum dan Modul

IPTS hendaklah dengan jelas menerangkan pengurusan pembentukan dan penambahbaikan kurikulum kursus pengajian. Maklumat mengenai pembentukan dan penambahbaikan kurikulum boleh dibincangkan dari aspek jawatankuasa kurikulum, kriteria ahli-ahli yang terlibat, fungsi ahli, prosedur, penglibatan dalam badan profesional, proses-proses berkaitan, dan sebagainya.

Selain penambahbaikan kurikulum kursus pengajian, penambahbaikan modul dan penambahbaikan reka bentuk pendidikan yang digubal bagi setiap mata pelajaran hendaklah juga dilakukan dan dikemas kini sejajar dengan perkembangan teknologi komunikasi, dan sebagainya.

#### 4.12 Sistem Penilaian Kualiti Dalaman dan Luaran

Institusi penawar juga dikehendaki mempunyai sistem audit kualiti dalaman dan sistem audit kualiti yang ditadbirkan sendiri oleh IPTS berkenaan. Sistem penilaian dalaman dan luaran ini

juga boleh dijadikan satu mekanisme untuk mendapatkan maklum balas tentang keberkesanan pelaksanaan kurikulum.

#### 4.13 Maklum Balas Keberkesanan Pelaksanaan Kurikulum dan Modul

IPTS juga dikehendaki dengan jelas menerangkan tatacara bagaimana mendapatkan maklum balas tentang keberkesanan pelaksanaan kurikulum, nota modul dan modul pembelajaran sendiri. Seterusnya, IPTS perlu menerangkan tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki atau mengemaskini kurikulum tersebut secara keseluruhan.

### 5.0 PEPERIKSAAN DAN KERTAS SOALAN

Pencapaian kefahaman pelajar dalam proses pembelajaran diukur daripada prestasi penilaian yang dibuat terhadap sesuatu mata pelajaran. Secara kumulatif, ini juga akan melambangkan prestasi bagi keseluruhan kursus pengajian. Umumnya, penilaian akan berasaskan pencapaian atau hasil yang dijangkakan daripada pelajar setelah mengikuti sesuatu mata pelajaran.

Teknik penilaian prestasi pelajar bagi kursus pengajian PJJ berbeza dengan teknik penilaian yang digunakan bagi kursus pengajian yang dikendalikan secara konvensional. IPTS dikehendaki dengan jelas menerangkan tatacara bagaimana penilaian tersebut dibuat bagi sesuatu mata pelajaran.

Penilaian prestasi pelajar bagi sesuatu mata pelajaran boleh dibuat melalui:

- i. kuiz
- ii. tugas

- iii. ujian
- iv. kertas projek/kertas ilmiah
- v. persembahan
- vi. latihan praktikal
- vii. interaksi bersemuka dan pemantauan melalui internet
- viii. peperiksaan ; dan
- ix. kaedah-kaedah lain yang difikirkan munasabah dan bersesuaian

IPTS yang mengendalikan kuiz, ujian mini, tugas kerja dan cara penilaian lain secara maya dikehendaki dengan jelas menerangkan mekanisme pengendalian dan penilaian tersebut dan tatacara untuk memastikan tiada penyelewengan berlaku.

#### 5.1 Peperiksaan

Peperiksaan merupakan satu tatacara untuk menilai prestasi pelajar setelah melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Dua peperiksaan hendaklah diadakan, iaitu peperiksaan pertengahan dan peperiksaan akhir. Peperiksaan ini hendaklah diadakan secara berpusat.

Pada lazimnya, peperiksaan pertengahan dan peperiksaan akhir diadakan secara bertulis dan berpusat. Namun begitu, peperiksaan juga boleh dikendalikan mengikut kesesuaian sesuatu kursus pengajian. Sebagai contoh, peperiksaan pertengahan atau akhir boleh dilakukan secara lisan, menunjukkan kemahiran atau berasaskan kekompetenan. Dalam apa cara sekali pun pengendaliannya, peperiksaan pertengahan dan akhir mestilah dikategorikan sedemikian, yakni peperiksaan pertengahan dan akhir.

IPTS dikehendaki menyediakan tatacara pengendalian peperiksaan pertengahan dan akhir secara terperinci bagi

kursus pengajian yang ditawarkan. Ini boleh dimasukkan ke dalam tatacara penilaian bagi setiap mata pelajaran yang ditawarkan dalam kursus pengajian tersebut.

## 5.2 Kelayakan Menduduki Peperiksaan

Satu peraturan menduduki peperiksaan pertengahan dan akhir oleh pelajar-pelajar PJJ hendaklah diadakan oleh IPTS. Disarankan hanya pelajar yang telah mengikuti penilaian berterusan yang dijadualkan di dalam sesuatu mata pelajaran dianggap layak untuk menduduki peperiksaan pertengahan dan akhir bagi mata pelajaran tersebut. Sekiranya pelajar tidak mempunyai rekod yang baik dalam mengikuti tatacara penilaian sesuatu mata pelajaran, maka pelajar tersebut tidak layak menduduki peperiksaan pertengahan dan peperiksaan akhir mata pelajaran tersebut.

## 5.3 Pembentukan dan Kerahsiaan Kertas Soalan

Peperiksaan adalah penting untuk menilai prestasi pelajar; oleh itu satu sistem yang jelas hendaklah diterangkan mengenai pembentukan kertas soalan dan kerahsiaannya. IPTS hendaklah dengan jelas menerangkan proses dan prosedur pembentukan kertas soalan. Maklumat mengenai pembentukan dan kerahsiaan kertas soalan hendaklah diterapkan dari aspek:

- i. pihak yang bertanggungjawab membentuk kertas soalan,
- ii. proses validasi/moderasi kertas soalan,
- iii. proses dan prosedur pengawalan dan penyimpanan kertas soalan

#### 5.4 Peperiksaan Berpusat

Segala peperiksaan pertengahan (bagi yang berkaitan) dan peperiksaan akhir hendaklah dilakukan secara berpusat. Peperiksaan ini hendaklah dilakukan secara serentak di semua pusat wilayah atau pusat yang dikenal pasti sebagai pusat peperiksaan.

IPTS dikehendaki menyediakan satu garis panduan mengenai sistem pengendalian peperiksaan secara berpusat yang menyentuh aspek-aspek berikut:

- i. pemilihan pusat peperiksaan
- ii. penyeliaan peperiksaan
- iii. pengedaran kertas soalan
- iv. pengumpulan kertas soalan dan jawapan
- v. penyerahan kertas jawapan dan soalan
- vi. pendaftaran pelajar di pusat peperiksaan
- vii. tatacara menangani kesilapan yang mungkin terdapat dalam kertas soalan yang disedari pada hari peperiksaan (bagaimana semua pusat wilayah dihubungi)

#### 5.5 Prosedur Peperiksaan dan Penilaian

Satu sistem pengendalian peperiksaan dan penyeliaannya hendaklah diterangkan dengan jelas. Perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam sistem pengendalian peperiksaan adalah seperti yang berikut:

- i. Tarikh peperiksaan

Tarikh peperiksaan hendaklah diseragamkan mengikut mata pelajaran dan semester atau bulan. Jadual

peperiksaan hendaklah dikeluarkan satu tahun lebih awal daripada tarikh peperiksaan.

ii. Prosedur penilaian skrip jawapan

Satu sistem yang jelas mengenai penilaian skrip jawapan hendaklah disediakan yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Panel-panel yang memeriksa skrip jawapan
- b. Proses pengumpulan dan pengedaran kertas jawapan
- c. Skema jawapan dan pemarkahan
- d. Penggredan pencapaian pelajar
- e. Prosedur pemantauan skrip jawapan

Disarankan supaya panel-panel yang menilai peperiksaan pertengahan dan peperiksaan akhir semester dan juga penilaian kertas projek dan tugas hendaklah terdiri daripada guru yang bertanggungjawab ke atas mata pelajaran yang ditawarkan oleh institusi PJJ. Namun begitu, pihak institusi PJJ boleh mengagihkan penilaian kepada guru-guru lain dalam bidang yang sama yang berkelayakan dan berpengalaman. Tutor tidak dibenarkan menilai kertas peperiksaan, tugas dan projek.

iii. Prosedur penentuan penggredan akhir mata pelajaran

Peperiksaan akhir bagi setiap mata pelajaran hendaklah menyumbang tidak kurang daripada 50% daripada keseluruhan penilaian mata pelajaran. Dalam pada itu, pelajar juga dikehendaki mencapai minimum 50% daripada markah penuh peperiksaan akhir bagi setiap

mata pelajaran. Ini adalah untuk menentukan pelajar mempunyai keupayaan memahami dan mengikuti setiap petunjuk dan arahan mengenai pengendalian mata pelajaran tersebut.

Sekiranya pelajar gagal mendapat minimum 50% markah daripada peperiksaan akhir, maka dengan sendirinya pelajar itu gagal dalam mata pelajaran tersebut. Dalam kes yang sedemikian pihak IPTS dikehendaki menetapkan dan melaksanakan dasar mengenainya.

Di bawah ini ditunjukkan contoh sistem pemarkahan yang disarankan bagi beberapa kes yang tertentu.

- a. Kes di mana pelajar lulus semua penilaian mata pelajaran

Mata Pelajaran Perakaunan		
Penilaian	%markah daripada keseluruhan penilaian	%markah diperoleh untuk setiap mata pelajaran
Kuiz	10	$5/10 \times 100 = 50$
Kerja kursus	10	$8/10 \times 100 = 80$
Interaksi melalui papan diskusi	10	$9/10 \times 100 = 90$
Peperiksaan pertengahan	20	$18/20 \times 100 = 90$
Peperiksaan akhir	<b>50</b>	$45/50 \times 100 = 90$
Jumlah	<b>100</b>	<b><math>85/100 \times 100 = 85</math></b>

Dalam kes ini pelajar lulus semua penilaian dan mendapat 85% keseluruhan dan mencapai markah lebih daripada 50% bagi peperiksaan akhir.

- b. Kes di mana pelajar lulus penilaian keseluruhan mata pelajaran tetapi gagal peperiksaan akhir

Mata Pelajaran Perakaunan		
Penilaian	%markah daripada keseluruhan penilaian	%markah diperoleh untuk setiap mata pelajaran
Kuiz	10	$5/10 \times 100 = 50$
Kerja kursus	10	$8/10 \times 100 = 80$
Interaksi melalui papan diskusi	10	$9/10 \times 100 = 90$
Peperiksaan pertengahan	20	$18/20 \times 100 = 90$
Peperiksaan akhir	<b>50</b>	<b><math>20/50 \times 100 = 40</math></b>
Jumlah	100	<b><math>60/100 \times 100 = 60</math></b>

Dalam kes ini, pelajar berjaya memperoleh 60% markah akhir keseluruhan mata pelajaran (andaian 50% adalah lulus) tetapi gagal mendapat 50% dalam peperiksaan akhir yang menyumbang sebanyak 50% kepada keseluruhan penilaian. Sebaliknya, pelajar ini hanya mendapat 40% sahaja dalam peperiksaan akhir.

Walaupun pelajar berjaya mendapat 60% keseluruhan penilaian peperiksaan, namun begitu ia gagal untuk mendapatkan 50% daripada peperiksaan akhir, kerana ia

hanya mendapat 40%. Ini bermakna pelajar ini gagal dalam peperiksaan mata pelajaran tersebut.

- c. Kes di mana pelajar gagal penilaian keseluruhan mata pelajaran tetapi lulus penilaian peperiksaan akhir

Mata Pelajaran Perakaunan		
Penilaian	%markah daripada keseluruhan penilaian	%markah diperoleh untuk setiap mata pelajaran
Kuiz	10	$2/10 \times 100 = 20$
Kerja kursus	10	$3/10 \times 100 = 30$
Interaksi melalui papan diskusi	10	$3/10 \times 100 = 30$
Peperiksaan pertengahan	20	$3/20 \times 100 = 15$
Peperiksaan akhir	<b>50</b>	$28/50 \times 100 = 56$
Jumlah	100	<b><math>39/100 \times 100 = 39</math></b>

Dalam kes ini, pelajar gagal dalam penilaian mata pelajaran secara keseluruhannya (andaian 50% adalah lulus) kerana mendapat 39% daripada 100% penilaian mata pelajaran tersebut, walaupun mendapat 56% bagi peperiksaan akhir.

#### iv. Pengambilan Peperiksaan Ulangan

Satu dasar yang jelas mengenai sistem mengulang peperiksaan sesuatu mata pelajaran hendaklah disediakan oleh IPTS.

## 5.6 Pemberitahuan Keputusan Peperiksaan dan Penganugerahan Kelayakan Akademik

Satu sistem yang jelas mengenai kaedah memaklumkan keputusan peperiksaan dan penganugerahan kelayakan akademik hendaklah disediakan.

## 6.0 GURU DAN TUTOR

Guru:

Guru merupakan pakar bidang bagi sesuatu mata pelajaran yang ditawarkan oleh sesuatu kursus pengajian. Guru atau pakar bidang ini merupakan orang yang bertanggungjawab untuk menyediakan silabus, kandungan mata pelajaran dan merangka kerangka persembahan modul bagi sesuatu mata pelajaran. Guru juga merupakan penyelaras bagi mata pelajaran yang digubal bagi sesuatu kursus pengajian dan institusi tersebut.

Istilah guru diguna pakai sebagai pakar bidang dalam konteks kursus pengajian yang dikendalikan secara PJJ. Sekiranya peranan guru berlainan daripada apa yang dinyatakan, ini perlu didefinisikan.

Hanya guru yang berkelayakan sahaja yang dibenarkan mengendalikan kursus pengajian PJJ. Di bawah ini ialah kriteria kelayakan akademik guru bagi pelbagai peringkat kursus pengajian.

<b>Peringkat kursus pengajian</b>	<b>Kelayakan minimum</b>
Sarjana Muda	Sarjana
Diploma	Sarjana muda
Sijil	Sarjana muda

Bagi kes-kes tertentu di mana guru bidang amat terhad, pertimbangan akan diberikan mengikut keperluan bagi guru yang mempunyai kelayakan akademik yang lebih rendah atau setara dengan peringkat kursus pengajian yang hendak diajarkan atau mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkenaan. Walau bagaimanapun, permohonan secara bertulis perlu dikemukakan kepada LAN dan pertimbangan mengenainya tertakluk kepada kelulusan LAN.

Tutor:

Tutor merupakan pembantu kepada guru untuk mengendalikan tutorial bagi sesuatu mata pelajaran yang melibatkan penerangan, penjelasan dan membantu menyelesaikan masalah tugas yang diberikan bagi sesuatu mata pelajaran.

Tutor yang berkelayakan sahaja dibenarkan untuk mengendalikan tutorial bagi modul-modul kursus pengajian PJJ. Kelayakan akademik yang disarankan bagi tutor ialah sekurang-kurangnya mempunyai ijazah sarjana muda kelas dua tinggi dalam bidang yang berkaitan dan mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman mengajar bagi semua peringkat kursus pengajian yang tersebut di atas.

## 6.1 Latihan Guru dan Tutor

Untuk mengendalikan kursus pengajian secara PJJ, pihak pengurusan hendaklah menyediakan latihan yang khas mengenai tatacara pengendalian kursus PJJ bagi guru dan tutor berkenaan.

## 6.2 Tanggungjawab Guru dan Tutor

Tanggungjawab guru dan tutor hendaklah diterangkan dengan jelas supaya mereka faham dan jelas mengenai keperluan untuk menjayakan kursus pengajian PJJ.

## 6.3 Guru Tetap\* dan Sambilan

Sebagai satu garis panduan, peratusan guru tetap ialah 80 peratus. Ini penting memandangkan tanggungjawab guru PJJ adalah berat dan memerlukan perhatian dan komunikasi yang berterusan dengan pelajar jarak jauh.

\* Guru tetap mempunyai status lantikan secara tetap atau kontrak. Namun begitu, bagi lantikan kontrak, hanya guru yang mempunyai status lantikan secara kontrak selama 12 bulan atau lebih sahaja boleh dianggap sebagai guru tetap.

## 6.4 Tutor Tetap\*\* dan Sambilan

Tutor merupakan tulang belakang bagi kursus pengajian secara PJJ. Mereka merupakan orang yang terdekat untuk berinteraksi secara bersemuka dengan pelajar. Selain tutor tetap, pihak institusi PJJ boleh juga melantik tutor secara kontrak mengikut semester atau dalam lingkungan setahun dan dibayar gaji secara pengiraan jam. Nisbah tutor tetap dengan sambilan bergantung pada keperluan sesuatu kursus pengajian dan IPTS berkenaan.

\*\* Tutor tetap mempunyai status lantikan secara tetap atau kontrak. Namun begitu, bagi lantikan kontrak, hanya tutor yang mempunyai status lantikan secara kontrak selama 12 bulan atau lebih sahaja boleh dianggap sebagai tutor tetap.

<b>Ringkasan Nisbah Tenaga Pengajar</b>		
<b>Tenaga Pengajar</b>	<b>Tetap</b>	<b>Sementara</b>
Guru	80	20
Tutor	Bergantung pada keperluan sesuatu kursus pengajian dan IPTS	

#### 6.5 Nisbah Guru dengan Pelajar

Dalam sistem PJJ, nisbah guru pelajar menjadi agak kurang relevan kerana guru tidak mengajar secara bersemuka. Maka di sini yang lebih relevan nisbah tutor dengan pelajar. Namun begitu, untuk tujuan penyelarasan pengendalian mata pelajaran dari segi menilai kertas kerja atau projek, penilaian kertas peperiksaan dan interaksi secara maya, nisbah guru dengan pelajar haruslah mempunyai nisbah yang munasabah.

Nisbah maksimum guru atau pakar bidang dengan pelajar yang dicadangkan ialah 1:350. Sekiranya nisbah ini melebihi yang dinyatakan, pihak IPTS dikehendaki melantik seorang “Guru Sokongan” yang lain untuk mengendalikan mata pelajaran tersebut dan keperluan bilangan guru bergantung pada jumlah pelajar yang mengikuti mata pelajaran berkenaan.

“Guru Sokongan” ialah guru yang mengambil alih tugas guru (pakar bidang) dari segi menilai kertas kerja atau projek, menilai kertas peperiksaan dan berinteraksi secara maya. Mereka mestilah mempunyai kelayakan akademik dalam bidang yang berkaitan atau sama dengan guru pakar bidang yang berketerampilan untuk mengendalikan mata pelajaran berkenaan. Dalam konteks ini, guru pakar bidang juga merupakan penyelarasan bagi mata pelajaran yang ditawarkan dan bertanggungjawab bagi perjalanan mata pelajaran tersebut.

<b>Nisbah Guru (pakar bidang) dengan Pelajar</b>		
<b>Pelajar</b>	<b>Bilangan Guru</b>	<b>Keperluan guru</b>
<b>&lt; = 350</b>	<b>1</b>	<b>1 guru (pakar bidang)</b>
<b>351 - 700</b>	<b>2</b>	<b>1 guru (pakar bidang) + 1 guru sokongan</b>
<b>701 - 1050</b>	<b>3</b>	<b>1 guru (pakar bidang) + 2 guru sokongan</b>
<b>. . . dan seterusnya</b>	<b>. . . dan seterusnya</b>	<b>. . . dan seterusnya</b>

#### 6.6 Nisbah Tutor dengan Pelajar dalam Pengendalian Sesi Tutorial

Tutorial memainkan peranan penting dalam pengendalian kursus pengajian secara PJJ. Tutorial yang diberikan mestilah seragam di mana sahaja dikendalikan. Nisbah tutor dengan pelajar yang munasabah hendaklah dipastikan bagi setiap pengendalian sesi tutorial. Sebagai panduan, nisbah maksimum tutor dengan pelajar yang dicadangkan hendaklah tidak melebihi **1:25**.

Sekiranya nisbah tutor dengan pelajar lebih daripada apa yang dicadangkan, pecahan sesi hendaklah diwujudkan dengan agihan yang munasabah. Sesi kedua ini boleh dikendalikan oleh tutor yang sama atau tutor baharu dilantik yang mempunyai kelayakan akademik dalam bidang yang berkaitan dan berketerampilan untuk mengendalikan mata pelajaran berkenaan. Sekiranya tutor yang sama mengendalikan kelas tutorial bagi mata pelajaran yang sama untuk sesi berlainan, jumlah keperluan tutor bertambah dua kali ganda keperluan

kelas tutorial. Ini bermakna sekiranya seorang tutor mengendalikan 2 kelas tutorial bagi satu mata pelajaran atau 2 kelas tutorial bagi 2 mata pelajaran, maka keperluan tutor ialah 2 orang, dan seterusnya.

<b>Nisbah Tutor dengan Pelajar</b>		
<b>Pelajar</b>	<b>Bilangan Tutor</b>	<b>Keperluan tutor</b>
<b>&lt; = 25</b>	<b>1</b>	<b>1 tutor – 1 kelas tutorial</b>
<b>26 - 50</b>	<b>2</b>	<b>2 tutor – 2 kelas tutorial</b>
<b>51 - 76</b>	<b>3</b>	<b>3 tutor – 3 kelas tutorial</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>•</li> <li>•</li> <li>•</li> </ul> <b>dan seterusnya</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•</li> <li>•</li> <li>•</li> </ul> <b>dan seterusnya</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•</li> <li>•</li> <li>•</li> </ul> <b>dan seterusnya</b>

#### 6.7 Bilangan Guru (Pakar Bidang)

Setiap IPTS yang ingin menjalankan kursus pengajian secara PJJ hendaklah menyediakan guru (pakar bidang) yang secukupnya. Memandangkan kursus pengajian PJJ memerlukan tumpuan dan komunikasi yang berterusan antara guru dengan pelajar jarak jauh, setiap guru hanya dibenarkan mengajar atau mengendalikan tidak lebih daripada 3 mata pelajaran bagi sesuatu kursus pengajian. Panduan ini diguna pakai bagi peringkat sarjana muda, diploma dan juga sijil.

Berasaskan panduan beban mengajar guru bagi sesuatu kursus pengajian, jumlah guru tetap yang perlu disediakan oleh IPTS

adalah seperti yang berikut (andaian 1 mata pelajaran membawa 3 jam kredit).

Peringkat	Jumlah jam	Anggaran	Bilangan
	untuk menyempurnakan kursus	Bilangan mata pelajaran	guru minimum keseluruhan
<b>Sarjana Muda</b>			
Kursus pengajian profesional	110	37	12
Kursus pengajian bukan profesional	100	33	11
<b>Diploma</b>	90	30	10
<b>Sijil</b>	50	17	6

## 6.8 Bilangan Tutor

Pusat-pusat wilayah yang menjalankan tutorial hendaklah mempunyai tutor yang secukupnya. Seorang tutor berstatus tetap yang berkelayakan hanya dibenarkan mengendalikan tutorial untuk tiga mata pelajaran bagi sesuatu kursus pengajian. Nisbah maksimum tutor dengan pelajar bagi setiap mata pelajaran adalah seperti yang dicadangkan, iaitu 1:25

Setiap tutor dibenarkan mengendalikan tutorial tidak lebih daripada 3 mata pelajaran. Jadual di bawah ini menunjukkan bilangan tutor, sama ada berstatus tetap, sementara atau kontrak, yang perlu ada bagi setiap pusat wilayah yang mengendalikan sesuatu kursus pengajian.

Peringkat	Jumlah jam untuk menyempurnakan kursus	Bilangan mata pelajaran	Bilangan tutor minimum
<b>Sarjana Muda</b>			
Kursus pengajian profesional	110	37	12
Kursus pengajian bukan profesional	100	33	11
<b>Diploma</b>	90	30	10
<b>Sijil</b>	50	17	6

#### 6.9 Guru dan Tutor Mata Pelajaran Wajib LAN

Guru atau tutor yang berkelayakan sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda yang bersesuaian hendaklah dilantik untuk mengendalikan kelas tutorial mata pelajaran wajib LAN.

#### 6.10 Perancangan Pembangunan Guru dan Tutor

Selain perancangan pembangunan guru dan tutor untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, IPTS yang

mengendalikan kursus pengajian PJJ diwajibkan mengadakan latihan pengendalian kursus pengajian secara PJJ kepada guru dan tutor. Di samping itu juga, IPTS hendaklah mengadakan satu dasar mengenai program perancangan pembangunan staf akademik yang didokumentasikan.

#### 6.11 Nisbah Guru dan Tutor

Selain pemantauan guru terhadap pelajar yang mengikuti mata pelajaran yang ditawarkan, guru juga dikehendaki memantau tutor yang telah dilantik yang ditugaskan di pusat-pusat wilayah. Ini adalah untuk memastikan bahawa tutor menjalankan tugasnya dengan baik, teratur, mengikut tugas dan penjadualan yang telah ditetapkan. Nisbah guru dengan maksimum bilangan tutor adalah 1:12 bagi sesuatu masa atau semester.

Ini bermakna bagi seorang guru (pakar bidang) yang juga merupakan penyelarassuatu mata pelajaran, bilangan tutor yang boleh dipantau oleh beliau ialah seramai 12 orang pada sesuatu masa atau semester, sama ada guru tersebut menyelarassuatu 1 atau 2 atau 3 mata pelajaran (Seseorang guru (pakar bidang) hanya dibenarkan menyelarassuatu 3 mata pelajaran bagi sesuatu kursus pengajian). Sebagai contoh, sekiranya guru menyelarassuatu 2 mata pelajaran pada satu masa, maka jumlah tutor yang boleh dipantau kekal 12 orang; 6 bagi mata pelajaran 1 dan 6 lagi bagi mata pelajaran 2, dan seterusnya nisbah 1:12 kekal bagi 3 mata pelajaran.

Nisbah yang dicadangkan ini agak kecil dan munasabah memandangkan guru mempunyai tugas lain seperti yang dinyatakan dalam para 6.5.

Sekiranya nisbah ini melebihi yang dinyatakan, pihak IPTS dikehendaki melantik seorang ‘guru sokongan’ yang lain untuk mengendalikan pemantauan tutor tersebut dan keperluan bilangan ‘guru sokongan’ bergantung pada jumlah tutor yang diperlukan bagi sesuatu mata pelajaran. ‘Guru sokongan’ mestilah mempunyai kelayakan akademik dalam bidang yang berkaitan atau sama dengan guru pakar bidang yang berketerampilan untuk mengendalikan mata pelajaran dan pemantauan tutor berkenaan.

‘Guru Sokongan’ ialah guru yang mengambil alih tugas guru (pakar bidang) dari segi memantau dan menilai tugas yang dijalankan oleh tutor. Mereka mestilah mempunyai kelayakan akademik dalam bidang yang berkaitan atau sama dengan guru pakar bidang yang berketerampilan. Dalam konteks ini, guru pakar bidang juga merupakan penyelaras bagi tutor yang dilantik untuk mengendalikan tutorial bagi mata pelajaran yang ditawarkan dan bertanggungjawab bagi perjalanan mata pelajaran tersebut.

<b>Nisbah Guru dengan Tutor</b>		
<b>Bilangan Tutor</b>	<b>Bilangan Guru</b>	<b>Keperluan guru</b>
<b>1-12</b>	<b>1</b>	<b>1 guru (pakar bidang)</b>
<b>13-25</b>	<b>2</b>	<b>1 guru (pakar bidang) + 1 guru sokongan</b>
<b>26-38</b>	<b>3</b>	<b>1 guru (pakar bidang) + 2 guru sokongan</b>
• • • <b>dan seterusnya</b>	• • • <b>dan seterusnya</b>	• • • <b>dan seterusnya</b>

## 7.0 KEMUDAHAN DAN PERALATAN

IPTS yang ingin mengendalikan kursus pengajian secara PJJ hendaklah menyediakan kemudahan dan peralatan yang sesuai dan mencukupi untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Di bawah ini ialah kemudahan-kemudahan yang perlu disediakan oleh IPTS.

### 7.1 Institusi IPTS sebagai Pusat Operasi Utama

Pusat operasi ialah tempat segala urusan pentadbiran, akademik dan operasi dilaksanakan. Kemudahan dan peralatan yang disediakan adalah seperti yang berikut:

i. Bilik kuliah bagi pengajaran dan pembelajaran

Sama ada digunakan untuk tujuan tutorial, telesidang atau yang berkaitan, bilik kuliah hendaklah dilengkapi peralatan yang sesuai bagi tujuan tersebut.

ii. Perpustakaan

Perpustakaan konvensional hendaklah disediakan walaupun IPTS menyediakan kemudahan perpustakaan dalam bentuk maya.

Sistem yang jelas mengenai tatacara penggunaan perpustakaan secara maya atau konvensional hendaklah disediakan untuk kemudahan pengguna.

iii. Unit Percetakan dan Penerbitan

Bahan bercetak merupakan media yang lazim digunakan untuk menyebarkan pengajaran dan pembelajaran bagi pengendalian kursus pengajian secara PJJ. IPTS dikehendaki mewujudkan satu unit khas yang dilengkapi peralatan untuk menguruskan percetakan, penjilidan dan pembungkusan bahan bercetak.

Sekiranya pencetakan dilakukan oleh pihak lain secara kontrak, IPTS dikehendaki memberi bukti atau perjanjian yang dipersetujui bersama.

iv. Pengeluaran Pakej Perisian Komputer dan Modul Pembelajaran Kendiri serta Bahan Pandang Dengar

Satu unit khas yang dilengkapi peralatan bersesuaian yang mengeluarkan pakej-pakej perisian dan modul-modul pembelajaran kendiri dan juga bahan pandang dengar bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran hendaklah diwujudkan.

Sekiranya fungsi tersebut dilakukan oleh pihak lain secara kontrak, IPTS dikehendaki memberikan bukti atau perjanjian yang dipersetujui bersama.

v. Penyiaran dan Komunikasi

Satu unit khas sistem penyiaran dan komunikasi bahan pengajaran dan pembelajaran hendaklah diwujudkan dengan sokongan prasarana dan peralatan yang bersesuaian dan mencukupi, seperti komputer, *server*, perisian penyiaran, televisyen, peralatan telesidang dan sebagainya.

## 7.2 Pusat Sokongan Pelajar Jarak Jauh (Pusat Wilayah)

Pusat wilayah ialah satu keperluan bagi IPTS yang mengendalikan kursus pengajian secara PJJ. Pusat ini merupakan pusat sokongan atau pusat bantuan pelajar jarak jauh di mana aktiviti tutorial dilaksanakan oleh tutor yang dilantik. Pusat sokongan hendaklah dilengkapi peralatan dan kemudahan yang berkaitan dengan PJJ seperti:

- i. Perpustakaan
- ii. Penerimaan siaran – televisyen, telesidang, komputer dan sebagainya
- iii. Kemudahan aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang berkaitan
- iv. Buletin informasi
- v. Bilik kuliah/tutorial

Sekiranya pusat sokongan pelajar jarak jauh (pusat wilayah) merupakan premis yang disewa daripada institusi pendidikan yang lain, IPTS berkenaan hendaklah menunjukkan bukti penyewaan atau bukti perjanjian dengan institusi tersebut.

## 7.3 Peralatan Sokongan Pengajaran dan Pembelajaran

Selain peralatan yang disebut di para 7.1 dan 7.2, kemudahan seperti makmal sains, bengkel kejuruteraan, bengkel pembuatan, bengkel pemprosesan dan studio hendaklah disediakan oleh IPTS mengikut keperluan kursus pengajian.

Sekiranya kemudahan tersebut disewa daripada mana-mana institusi, IPTS dikehendaki memberikan bukti atau perjanjian yang dipersetujui bersama.

## **8.0 PENGURUSAN PENDIDIKAN JARAK JAUH**

Pengurusan pengendalian kursus pengajian PJJ hendaklah mempunyai satu sistem pentadbiran yang berbeza dengan sistem pentadbiran pengendalian kursus pengajian secara konvensional. Justeru IPTS hendaklah mempunyai dan mengamalkan satu sistem pengurusan berkualiti supaya dapat memenuhi keperluan pengendalian kursus pengajian jarak jauh.

Aspek-aspek sistem pentadbiran ini meliputi:

- i. struktur organisasi dan sistem pentadbiran IPTS
- ii. sistem pengurusan bahan pengajaran dan penilaian
- iii. pengurusan rekod akademik dan hal ehwal pelajar
- iv. pengurusan logistik
- v. pengurusan staf sokongan

### **8.1 Struktur Organisasi dan Sistem Pentadbiran**

Satu sistem organisasi dan pentadbiran yang kukuh hendaklah dibentuk oleh IPTS untuk memastikan perjalanan pengendalian kursus pengajian secara PJJ berjalan dengan lancar dan teratur. Sistem pengurusan tersebut hendaklah mempunyai ciri-ciri sekatan dan imbalan yang melibatkan setiap skop dan tanggungjawab kerja bagi setiap peringkat sistem pengurusan tersebut.

### **8.2 Pengurusan Rekod Akademik dan Hal Ehwal Pelajar Jarak Jauh**

Satu sistem pengurusan rekod akademik dan hal ehwal pelajar hendaklah disediakan oleh IPTS. Ini penting kerana pihak pengurusan IPTS tidak berhadapan dengan pelajar secara

bersemuka dari semasa ke semasa. Perkara-perkara yang diteliti termasuklah:

- i. Pengambilan Pelajar
- ii. Pendaftaran Mata Pelajaran
- iii. Pengurusan Keputusan Peperiksaan
- iv. Khidmat Bantu dan Kaunseling Pelajar
- v. Sistem Penasihat Akademik
- vi. Aktiviti Kokurikulum
- vii. Sistem layanan pelajar yang mengambil kira pelajar berada di merata tempat seperti pusat panggilan telefon, internet, faks, dan sebagainya

#### 8.2.1 Pengambilan Pelajar

IPTS disarankan mempunyai satu dasar yang jelas mengenai tatacara pengambilan pelajar dan kelayakan akademik yang didokumentasikan. Di bawah ini disenaraikan keperluan kelayakan untuk memasuki sesuatu kursus pengajian yang dikendalikan secara PJJ.

Peringkat Pengajian	Kelayakan Masuk
Ijazah Sarjana Muda	<p>i) Lulus STPM (dengan 2 Prinsipal), Diploma, <i>A-level</i> atau kelayakan lain yang setara seperti kursus asas, matrikulasi, prauniversiti dan sebagainya.</p> <p>Bagi calon yang menggunakan diploma sebagai kelayakan masuk, hanya 30 jam kredit maksimum sahaja yang dibenarkan untuk mendapat kemudahan pemindahan kredit ke peringkat ijazah sarjana muda. Walau bagaimanapun, ini bergantung pada dasar dan kesesuaian pemindahan kredit di sesebuah IPT.</p>
Diploma	<p>i) Lulus SPM dengan 3 kredit atau sijil yang setara. Pemindahan kredit boleh dilakukan bagi pelajar STPM dan sijil. Walau bagaimanapun, ini bergantung pada dasar dan kesesuaian pemindahan kredit di sesebuah IPT.</p>
Sijil	<p>i) Lulus SPM dengan 2 kredit atau kelayakan lain yang setara dengannya.</p>

### 8.2.2 Pendaftaran Mata Pelajaran

IPTS dikehendaki mempunyai sistem pendaftaran mata pelajaran yang anjal yang memberi peluang kepada pelajar untuk menukar, menambah dan menggugurkan mata pelajaran. Sistem ini juga membenarkan pelajar mendaftar kredit maksimum dan minimum dalam satu semester.

### 8.2.3 Pengurusan Keputusan Peperiksaan

IPTS hendaklah mempunyai satu sistem pengurusan bagi merekodkan dan menyebarkan keputusan peperiksaan pelajar jarak jauh. Keputusan peperiksaan mestilah dimaklumkan kepada pelajar sebelum sesi pendaftaran mata pelajaran untuk semester berikutnya bermula.

### 8.2.4 Khidmat Bantu dan Kaunseling Pelajar

Institusi yang menawarkan kursus pengajian secara PJJ dikehendaki menyediakan satu sistem yang dapat membantu pelajar jarak jauh mengenali institusi tersebut dengan lebih dekat. Ini penting kerana pelajar jarak jauh tidak berpeluang berada di prasarana kampus sebenar dan ini mungkin tidak dapat membina perasaan kekitaan terhadap institusi tersebut. Justeru IPTS dikehendaki menganjurkan satu sesi penerangan secara bersemuka sekurang-kurangnya sekali dalam jangka masa pengendalian kursus pengajian. Sesi ini akan menjelaskan peranan dan fungsi institusi tersebut kepada pelajar dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Penerangan mengenai IPTS dan sistem pengajaran dan pembelajaran (biasanya dibuat semasa majlis orientasi)
- ii. Penerangan mengenai struktur organisasi IPTS
- iii. Penerangan mengenai pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengendalian kursus pengajian
- iv. lain penerangan-penerangan mengenai kursus pengajian PJJ yang diikuti, sama ada melalui taklimat, buku kecil, video, dan sebagainya.

#### 8.2.5 Sistem Penasihat Akademik

IPTS dikehendaki menyediakan penasihat akademik kepada setiap pelajar jarak jauh. Penasihat akademik ini bukan sahaja berperanan sebagai guru yang memberi nasihat mengenai perkara-perkara akademik tetapi juga merupakan kaunselor kepada pelajar jarak jauh. Sebaik-baiknya penasihat akademik ini merupakan tutor yang bertempat di pusat wilayah dan kawasan sekitarnya di mana pelajar jarak jauh dapat berinteraksi dan bersemuka dengan mudah. Sistem penasihat akademik melalui maya seperti penggunaan internet dan telefon, faks, dan sebagainya juga boleh dilaksanakan.

#### 8.2.6 Aktiviti Kokurikulum

IPTS yang menawarkan kursus pengajian secara PJJ perlu merangka aktiviti kokurikulum yang bertujuan mewujudkan semangat kekitaan terhadap institusi tersebut. Aktiviti kokurikulum bolehlah dikendalikan di kampus utama atau di pusat wilayah.

Salah satu cara untuk menggalakkan aktiviti kokurikulum adalah dengan penubuhan persatuan pelajar PJJ di setiap pusat wilayah.

### 8.3 Pengurusan Logistik

Memandangkan pengendalian kursus pengajian PJJ memerlukan komunikasi antara pelajar jarak jauh dengan pusat wilayah dan pusat induk IPTS, maka satu sistem pengurusan logistik hendaklah disediakan. Perkara-perkara berikut boleh diambil kira untuk pengurusan:

- i. sistem mel dan penghantaran
- ii. sistem pemantauan

#### 8.3.1 Sistem Mel dan Penghantaran

Satu sistem mel dan penghantaran bahan-bahan atau maklumat bagi perkara yang ketara seperti bahan-bahan peperiksaan, skrip jawapan, modul pelajaran, surat-menyurat, dan sebagainya hendaklah diterangkan dengan jelas.

Sekiranya sistem internet (maya) digunakan, pihak IPTS dikehendaki menerangkan tatacara sistem yang digunakan dan ciri-ciri keselamatannya (bagi yang berkaitan). Penggunaan web portal atau sistem pengurusan pembelajaran boleh membantu dalam hal ini.

#### 8.3.2 Sistem Pemantauan

Satu sistem memantau penglibatan pelajar jarak jauh dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran hendaklah diterangkan dengan jelas. Aktiviti pengajaran dan

pembelajaran ini termasuklah penglibatan dalam perbincangan, penghantaran kerja kursus, kehadiran kuliah dan tutorial, penglibatan dalam ujian dan kuiz, kehadiran dalam peperiksaan, penglibatan dalam ko-kurikulum dan sebagainya.

#### 8.4 Pengurusan Staf Sokongan

Staf sokongan memainkan peranan penting untuk menjayakan pengendalian kursus pengajian secara PJJ. Oleh itu, IPTS perlu memberi latihan khas kepada staf sokongan yang terlibat dalam operasi kursus pengajian PJJ. IPTS dikehendaki menyenaraikan staf sokongan dan fungsi masing-masing.

### 9.0 E-PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (E-PP)

Satu lagi cara bagaimana pendidikan jarak jauh boleh dikendalikan adalah dengan cara e-pembelajaran dan pengajaran. Pembelajaran dan pengajaran secara elektronik merupakan satu peralihan paradigma pendidikan yang menggunakan ICT dan media elektronik secara intensif. Cara ini juga memperkenalkan konsep pembelajaran bagi semua, pada bila-bila masa, di mana-mana, bentuk pendidikan bertumpukan pelajar dan pembelajaran mengikut kemampuan untuk mendapatkan kelayakan akademik daripada sesebuah IPT. Konsep ini agak meluas dan memerlukan infrastruktur talian internet dan sebagainya yang cekap dan mampu menampung keperluan pembelajaran dan pengajaran secara elektronik.

Namun begitu, tatacara pengendalian e-pembelajaran dan pengajaran tertakluk pada keperluan pengendalian sesuatu kursus pengajian yang dirancang untuk ditawarkan kepada pelanggan sama seperti kursus pengajian yang lain, walaupun terdapat perbezaan tatacara pengendaliannya. Di bawah ini disenaraikan keperluan tambahan daripada standard dan kriteria yang sedia ada bagi kursus pengajian

yang dikendalikan secara pendidikan jarak jauh atau keperluan baharu khusus bagi kursus pengajian yang dikendalikan secara e-pembelajaran dan pengajaran.

### 9.1 Kurikulum Kursus Pengajian

Kurikulum kursus pengajian hendaklah mengikut standard dan kriteria yang sedia bagi sesuatu kursus pengajian dari segi keperluan jam kredit untuk lulus mengikut peringkat, kelayakan kemasukan, struktur penjadualan kursus pengajian, keperluan guru dan silabus (mata pelajaran) kursus pengajian.

Perincian hendaklah dibuat di dokumen 3 (LAN-TC-01) mengenai bahan rujukan yang diguna pakai bagi sesuatu mata pelajaran. Bahan rujukan termasuk bahan bercetak, CD, e-buku, halaman web, perisian interaktif, dan sebagainya.

Selain itu, penjadualan pembelajaran sendiri hendaklah disediakan dengan terperinci bagi setiap mata pelajaran dan bahan-bahan pembelajaran hendaklah disenaraikan bagi setiap kandungan mata pelajaran tersebut. Penjadualan tutorial yang interaktif dalam talian hendaklah disediakan bagi setiap mata pelajaran.

Silabus mata pelajaran hendaklah digubal oleh guru yang berkelayakan dan merupakan pakar bidang yang dapat membantu membentuk reka bentuk pendidikan bagi mata pelajaran tersebut.

### 9.2 Pembangunan Bahan Pengajaran

Pembangunan bahan pengajaran merupakan satu unsur penting dalam penawaran kursus pengajian secara e-pembelajaran dan pengajaran (e-PP). Institusi pendidikan yang

ingin menawarkan kursus secara e-PP hendaklah dengan jelas menerangkan proses pembangunan bahan pembelajaran dan pengajaran yang berasaskan pedagogi yang bersesuaian bagi pendidikan bertumpukan pelajar bagi sesuatu mata pelajaran atau kursus pengajian keseluruhannya.

### 9.3 Tatacara Pengendalian Kursus Pengajian

Kursus pengajian e-PP hendaklah dikendalikan secara elektronik keseluruhannya. ***Namun begitu, keperluan perjumpaan bersemuka perlu dibukakan kepada pelajar yang memerlukannya .***

### 9.4 Sokongan Tutorial dan Komunikasi

Konsep e-PP menekankan peranan guru sebagai fasilitator bukan lagi sebagai pengajar. Keperluan tutorial penting untuk memberikan tunjuk ajar, membetulkan fakta-fakta dan memantau perjalanan pengendalian kursus pengajian dan pelajar yang mengikuti kursus tersebut.

Pengendalian tutorial dan alat komunikasi yang boleh digunakan tertakluk kepada keperluan sesuatu mata pelajaran. Tutorial boleh dilakukan secara elektronik melalui e-mel, forum diskusi, *chat*, perkongsian papan putih, soalan lazim dan jawapan, sidang video dan sebagainya yang interaktif. Dalam apa hal pun, keutamaan hendaklah diberikan kepada pengendalian e-tutorial yang interaktif dan mirip kepada pengendalian tutorial secara bersemuka. Ini bermakna pihak institusi pendidikan yang ingin mengendalikan kursus pengajian e-PP hendaklah menyediakan kemudahan e-tutorial yang interaktif masa nyata dalam talian dan berjadual bagi setiap mata pelajaran. Ini boleh dilakukan dengan menggunakan telesidang, *chit chat*, *voice*

*chatting*, forum diskusi, dan sebagainya yang interaktif masa nyata dalam talian.

Selain itu, komunikasi tutorial secara elektronik yang tidak interaktif masa nyata atas talian seperti e-mel, faks, e-modul, e-nota, e-tindak balas dan sebagainya boleh juga diguna pakai.

***Untuk tujuan keberkesanan pengendalian kursus pengajian e-PP, disarankan supaya institusi mengadakan sekurang-kurangnya 2 sesi tutorial bersemuka secara formal dalam satu semester. Ini penting untuk menjalinkan hubungan dua hala dan membentuk semangat kekitaan di kalangan pegawai akademik dan pelajar selain membincangkan isu pembelajaran.***

#### 9.5 Pusat Sokongan Tutorial

Untuk menjayakan pengendalian kursus pengajian secara e-PP dan e-tutorial, pusat sokongan tutorial hendaklah ditubuhkan di cawangan-cawangan tertentu. Pusat tutorial ini hendaklah dimuatkan dengan peralatan yang menyokong e-PP.

#### 9.6 Penilaian Pelajar

Seperti kursus pengajian lain, penilaian bagi e-PP hendaklah menggunakan penilaian berterusan dengan menggunakan standard dan kriteria yang ditetapkan bagi PJJ. Namun begitu, tatacara pengendalian penilaian seperti e-kuiz, e-peperiksaan pertengahan dan akhir, e-persembahan, e-kerja kursus (termasuk kertas projek), e-interaksi melalui papan diskusi, dan sebagainya hendaklah mempunyai sistem yang mantap dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tidak boleh ditembusi oleh penggodam dan pelanggan.

## 9.7 Jaminan Kualiti dan Penilai Luar

Untuk memastikan kursus pengajian yang dikendalikan melalui pendidikan e-PP mempunyai dan mengekalkan kualiti pengendaliannya, IPT diminta mengadakan satu sistem jaminan kualiti pengendalian kursus pengajian. Ini bertujuan untuk memantau, dari semasa ke semasa, proses dan sistem pengendalian kursus pengajian. Ini boleh dilakukan dengan mengadakan penilaian yang dibuat oleh penilai luar, bancian kepuasan pelanggan dan bancian persepsi majikan terhadap graduan yang bekerja di agensi berkenaan.

## 9.8 Pentadbiran dan Pengurusan e-PP

Sistem pentadbiran dan pengurusan e-PP hendaklah dinyatakan dengan jelas dan terperinci (lihat seksyen 8.0) untuk memastikan pengendalian kursus pengajian e-PP berjalan dengan lancar.

# 10. PERANCANGAN KORPORAT

Sebagai sebuah IPT, pihak IPTS dikehendaki mengadakan dasar dan perancangan korporat bagi pembangunan keseluruhan institusi tersebut untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan. Perancangan korporat merangkumi perkara-perkara seperti perlembagaan, piagam pelanggan, struktur organisasi, pelantikan ketua eksekutif, pembentukan ahli jawatankuasa, dan perancangan masa hadapan. Ini dapat memberi gambaran bahawa IPTS tersebut mempunyai sistem pengurusan dan wawasan ke arah kecemerlangan pengendalian kursus pengajian dan pendidikan keseluruhannya secara bersungguh-sungguh.

## **11. PENUTUP**

Buku garis panduan prosedur, kriteria dan standard kualiti kursus pengajian yang dikendalikan secara pendidikan jarak jauh (PJJ) bagi IPTS menukilkan kriteria dan standard yang perlu dipatuhi oleh IPTS yang ingin mengendalikan kursus pengajian secara PJJ. Kriteria dan standard ini merupakan norma bagi kebanyakan institusi yang mengendalikan kursus pengajian secara PJJ. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa kursus pengajian PJJ mempunyai kualiti yang tinggi dan graduan yang dihasilkan setanding dengan graduan yang dididik melalui pengajian pembelajaran dan pengajaran secara konvensional.